

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]
TARIKH : 13 MAC 20204 (RABU)

SOALAN

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah penambahbaikan dari segi tindakan penguatkuasaan serta perundangan yang sedia ada khususnya terhadap pemandu bawah umur atau mereka yang tidak mempunyai lesen sehingga menyebabkan nahas di jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan amat memandang serius berhubung isu pemanduan kenderaan motor oleh pemandu bawah umur dan tanpa lesen sehingga boleh menyebabkan bahaya bukan sahaja kepada dirinya malah kepada pengguna jalan raya yang lain. Kementerian Pengangkutan melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

2. Dalam hubungan ini, JPJ boleh mengambil tindakan terhadap ibu bapa atau penjaga yang membenarkan remaja di bawah umur memandu kenderaan motor tanpa suatu lesen memandu yang sah. Kesalahan ini boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 39, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit (RM2,000) atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.

3. Selain itu, JPJ turut boleh mengambil tindakan terhadap pemilik kenderaan yang membenarkan remaja di bawah umur memandu kenderaan motor tanpa suatu lesen memandu yang sah. Di bawah Seksyen 26 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, tindakan boleh diambil terhadap pemilik kenderaan yang dipandu oleh seseorang yang tidak mempunyai lesen memandu yang sah. Mana-mana orang yang didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

NO. SOALAN: 10

5. Untuk makluman, jumlah pengeluaran saman bagi kesalahan memandu di bawah umur bagi tahun 2024 (setakat 29 Februari 2024) adalah sebanyak 578 kes.

Sekian, terima kasih.